

Bil. S 49

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PINDAAN), 2015

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 147
 3. Pemasukan bab 6A baru
 4. Pindaan bab 7
 5. Pemansuhan bab 11
 6. Pindaan Jadual kepada Penggal 4
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PINDAAN), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal (Pindaan), 2015.

Pindaan bab 2 dari Penggal 147

2. Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dalam bab 2 dengan memasukkan sejurus sebelum takrifan “pegawai memerintah Daerah Polis” takrifan baru yang berikut —

“ “Menteri” bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri;”

Pemasukan bab 6A baru

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 6 bab baru yang berikut —

“Kesalahan oleh pegawai yang diberi kuasa

6A. Seseorang pegawai yang diberi kuasa atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pesuruhjaya Polis, mana-mana pegawai memerintah Daerah Polis dan mana-mana pegawai polis yang berpangkat penolong penguasa atau ke atas yang diberi kuasa oleh Pesuruhjaya Polis atau seseorang pegawai memerintah Daerah Polis di bawah bab 3 —

(a) dengan mengetahui atau dengan cuai mendedahkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjejaskan keselamatan mana-mana orang atau harta di suatu kawasan terkawal atau suatu tempat terkawal, atau

(b) dengan mengetahui atau dengan cuai bertindak dengan apa jua cara yang mungkin menjejaskan keselamatan mana-mana orang atau harta di suatu kawasan terkawal atau suatu tempat terkawal,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$20,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya sekali.”.

Pindaan bab 7

4. Bab 7 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “penjara selama 2 tahun dan denda sebanyak \$2,000” dari dua baris akhir dan menggantikannya dengan “penjara yang boleh sampai 10 tahun dan sebat”.

Pemansuhan bab 11

5. Bab 11 dari Akta itu adalah dimansuhkan.

Pindaan Jadual kepada Penggal 4

6. Jadual kepada Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am adalah dipinda dengan memasukkan “Bab 7 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal (Penggal 147).” sejurus selepas “Bab 29 dari Akta Penyalahgunaan Dadah (Penggal 27).”.

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 5 haribulan Oktober, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM